

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Hajah Norah binti Abd.
Rahman [Tanjong Manis]**

**SOALAN : Dato' Hajah Norah binti Abd.
Rahman minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan: -**

bilakah pihak Kementerian akan mengeluarkan semula 'Lesen Sampan Khas Pesisiran Pantai Zon A' bagi nelayan pesisiran pantai memandangkan terdapat banyak bantuan bot, enjin dan pukat nelayan yang telah diagihkan di Kawasan Parlimen Tanjung Manis. Kementerian melalui Jabatan Perikanan Laut (JPL) Sarawak telah membekukan permohonan permit dan lesen tersebut di Sarawak dalam tempoh yang agak lama.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia telah melaksanakan pembekuan ke atas semua permohonan lesen baru vesel Zon A termasuk lesen sampan khas, Zon B dan Zon C dalam usaha mengurangkan tekanan ke atas sumber perikanan. Berdasarkan kepada Kajian Sumber Tahun 1997/1998, sumber perikanan menurun kepada 0.21 tan metrik per kilometer persegi pada tahun 1997 daripada 2.56 tan metrik per kilometer persegi pada tahun 1971.

Bagi memastikan kelestarian sumber bekalan makanan disamping meneruskan pembangunan industri perikanan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia memberi lebih tumpuan dan fokus kepada pembangunan perikanan laut dalam. Ia adalah sebagai alternatif kepada sumber bekalan ikan negara yang kini terdedah kepada pengeksploitasian sumber terutamanya di kawasan perairan pantai yang telah mencapai tahap optima.

Pembukaan semula permohonan lesen/permit baru kepada nelayan pesisiran pantai dikhuatiri kurang ekonomik kerana nelayan perlu beroperasi lebih panjang (peningkatan kos operasi) bagi mendapatkan hasil yang setimpal. Selain itu, pertambahan lesen-lesen baru juga akan meningkatkan konflik di antara nelayan kerana kawasan penangkapan ikan yang terhad.

Berdasarkan kepada perangkaan Jabatan Perikanan Malaysia pada tahun 2016, jumlah vesel zon A yang berlesen di seluruh Malaysia (berjentera sangkut dan tidak berjentera) adalah berjumlah 37,530 buah. Sebanyak 14% daripada jumlah tersebut iaitu 5,256 buah vesel telah dilesenkan di Sarawak.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bersedia untuk mengkaji semula keperluan membuka semula permohonan lesen/permit nelayan pesisiran pantai. Nelayan-nelayan tulen terutama yang termasuk dalam senarai e-kasih dan mendapat bantuan Program 1AZAM boleh diberi pertimbangan setelah melalui proses siasatan dan tapisan.